

# Lebih 5,000 graduan, pelajar a-bangsa terima ijazah dan diploma UMS

NST 27.11.16 2

**KOTA KINABALU:** Seramai 5,207 graduan, termasuk 126 pelajar antarabangsa menerima ijazah dan diploma pada majlis Konvokesyen Universiti Malaysia Sabah (UMS) ke-18, selama tiga hari bermula kelmarin.

Daripada jumlah itu, 50 graduan menerima Ijazah Doktor Falsafah (PhD), Ijazah Sarjana (563), Ijazah Sarjana Muda (4,530) dan 62 penerima Diploma dalam pelbagai disiplon ilmu.

**Majlis konvokesyen**, sidang kedua itu disempurnakan oleh Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

Naib Canselor UMS Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah mengalung-alukan seramai 67 graduan pertama ambilan khas (B40) atau pelajar MENITI.

“Keprihatinan pihak UMS memberi laluan untuk belajar di universiti ini dan menamatkan pengajian mereka menandakan usaha serta harapan UMS dan

kerajaan negeri tidak sia-sia

“Saya menyeru kepada bakal graduan agar menajamkan akal fikiran, bahawa ijazah pertama yang digenggam hari ni bukanlah penamat kepada pencarian ilmu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Konvokesyen ke-18 Universiti Malaysia Sabah, di Dewan Canselor UMS, di sini, kelmarin.

Mohd Harun berkata, pihak UMS akan terus meningkatkan usaha untuk memperbaiki ranking universiti kerana ia adalah salah satu indicator kepada kualiti universiti, sama ada dalam bidang penghasilan tenaga manusia, penyelidikan, penerbitan atau keupayaannya menyumbang kepada masyarakat sekeliling.

Bagi memenuhi peningkatan ranking universiti dan keterlihatan UMS dalam dan luar negara, pada tahun 2016 sahaja UMS memperolehi banyak pengiktirafan

dan pencapaian, katanya.

Selain itu katanya keupayaan pen-syarah dan penyelidik UMS yang berjaya menjadi tumpuan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa menerusi kepakaran dan penyelidikan mereka turut menjadi kebanggan universiti.

“Kejayaan yang dicapai ini menunjukkan UMS sangat menitikberatkan hal ehwal akademik tanpa meminggirkan keperluan pembelajaran sepanjang hayat para pelajarnya.

“Justeru, menerusi ketinggian ilmu ahli-ahli akademik UMS dan kesungguhan para graduan UMS mendalam dan mempraktikkan ilmu yang dipelajari, saya percaya anda akan menjadi warga yang hebat pada suatu hari nanti,” katanya. - **OLEH MARRYAN RAZAN** - [marryan@newsabah-times.com.my](mailto:marryan@newsabah-times.com.my)